

Bil. S 2

**AKTA PASPORT-PASPORT
(PENGAL 146)**

**PERATURAN-PERATURAN PASPORT-PASPORT
(PINDAAN), 1999**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh cerai (1) bab 11 dari Akta Pasport-Pasport, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Peraturan-Peraturan yang berikut —

**Gelaran dan
permulaan
kuatkuasa.**

1. Peraturan-Peraturan ini boleh digelar sebagai Peraturan-Peraturan Pasport-Pasport (Pindaan), 1999 dan hendaklah bermula kuatkuasanya pada 1 haribulan Januari, 2000.

**Pindaan
Lampiran.**

2. Lampiran kepada Peraturan-Peraturan Pasport-Pasport adalah dipinda, dalam perenggan (a), dengan memasukkan sejurus selepas butiran yang bermula "Sijil Darurat (sah selama 6 bulan)" butiran yang berikut —

"Penggantian Pasport Brunei, Sijil Pengenalan Antarabangsa atau Sijil Pengenalan Am —

- | | |
|--|---------|
| (i) penggantian pertama | \$150 |
| (ii) penggantian kedua | \$300 |
| (iii) penggantian ketiga dan kemudiannya | \$450". |

Diperbuat pada hari ini 12 haribulan Ramadan, Tahun Hijrah 1420 bersamaan dengan 20 haribulan Disember, 1999 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**